

BANGGALAH DENGAN TUGAS — PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengulangi seruan agar segenap lapisan rakyat mengubah sikap terhadap kerja demi meningkatkan lagi daya pengeluaran negara.

Tegas Perdana Menteri, setiap rakyat hendaklah berbangga dengan kerja mereka dan jangan sama sekali memperkecil-kecilkan kepentingannya.

Bellau lalu menarik perhatian tentang rakyat Jepun yang tekun bekerja sehingga menjadikan negara tersebut salah sebuah negara termaju di bidang pengeluaran barangan pengguna.

"Pada pendapat saya, kerja tidak semestinya menjemukan kita seperti

ketika kita bersukan. Seseorang pekerja yang mudah jemu dengan kerjanya bermakna ia tidak akan mengahiskan apa-apa.

"Ia hanya menumpukan perhatian terhadap waktu habis bekerja. Sebenarnya, ia adalah hamba kepada upahan.

Ubah sikap

"Kita di Malaysia ini boleh mencapai segala yang kita hajatkan jika kita sanggup mengikut jejak langkah rakyat Jepun. Kita boleh melakukannya jika kita sanggup mencubanya," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Kebangsaan mengenai Pengeluaran anjuran Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) di sini.

Ucapan dasar Perdana Menteri bertajuk "Kesan pengeluaran terhadap pembangunan nasional."

Bellau berkata, setengah pihak berpendapat ada dua pilihan dalam usaha mempercepat peningkatan daya pengeluaran negara.

"Satu darinya ialah mengadakan undang-undang serta peraturan dan menghukum mereka yang melanggarnya. Kita boleh berbuat demikian, tetapi saya tidak yakin kita akan berjaya.

"Pendekatan yang paling baik ialah menukar sikap kita dan bersatu sebagai sebuah negara yang dedikasi terhadap pencapaian aspirasi nasional.

"Setiap rakyat mesti gembira dan seronok melaksanakan tugasnya. Kerja tidak boleh diang-

gap sebagai satu beban atau semata-mata cara mendapatkan wang," ujar Perdana Menteri.

Katanya, untuk mencapai hasrat ini, setiap rakyat mesti sanggup memperbaiki etika pekerjaannya.

"Lihat sahaja contoh yang ditunjukkan oleh anggota pasukan keselamatan, polis, bomba dan perubatan. Mereka bekerja tanpa mengira, semata-mata untuk menyelamatkan nyawa orang lain.

"Jika kita sanggup mengubah sikap terhadap kerja, kita pasti dapat mencapai tahap pengeluaran lebih tinggi, yang merupakan faktor utama dalam pembangunan negara," jelasnya.

Mengenai seminar itu, bellau berharap rakyat akan menyedari hakikat bahawa usaha meningkatkan lagi daya pengeluaran negara adalah tanggungjawab bersama dan bukan terletak di tangan kerajaan sahaja.

Seminar dau hari itu disertai oleh 250 peserta terdiri dari pegawai sektor awam dan swasta.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia